

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR
(PERMATANG PAUH)
TARIKH : 24 OKTOBER 2019

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menyelaraskan dasar berkaitan penyalahgunaan dadah dengan mengambil kira 'best practices' pengurangan kemudaratan, terutama selepas mengambil kira kos pemenjaraan yang terlalu tinggi sebanyak RM14,965 setahun bagi setiap tahanan atau RM543 juta setahun untuk pesalah berkaitan dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar berkaitan penyalahgunaan dadah yang mengambil kira ‘*best practices*’ pengurangan kemudaratan telahpun terdapat dalam Teras Pengurangan Kemudaratan di bawah Dasar Dadah Negara. Teras Pengurangan Kemudaratan dalam Dasar Dadah Negara ialah polisi, program dan kaedah yang bertujuan untuk mengurangkan kemudaratan atau kesan penyalahgunaan dadah dari segi kesihatan, sosial dan ekonomi kepada individu yang tidak mampu atau tidak ingin berhenti daripada menggunakan dadah.

Teras Pengurangan Kemudaratan bertindak sebagai pelengkap kepada teras-teras lain dalam Dasar Dadah Negara iaitu Teras Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan dan Teras Penguatkuasaan yang menjurus kepada pengurangan permintaan terhadap dadah. Antara program pengurangan kemudaratan yang sedang dilaksanakan ialah program rawatan methadone yang telah dijalankan sejak Oktober 2005. Objektif pelaksanaan rawatan methadone ini ialah untuk mengekang jangkitan HIV di kalangan penagih dadah suntikan dan juga untuk merawat penagihan opiat.

Sehingga Mac 2019, sebanyak 782 fasiliti Kerajaan dan swasta menjalankan program *harm reduction* seperti institusi Penjara, fasiliti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Hospital dan Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan. Bagi tahun 2019 sehingga Mac, seramai 19,050 orang sedang menerima rawatan di fasiliti Kerajaan di seluruh Malaysia.

Sejak pelaksanaannya, program ini telah memberi impak yang positif. Berdasarkan data surveilan, kes jangkitan baru HIV/AIDS akibat penagihan dadah suntikan yang dilaporkan ke KKM setiap tahun telah menurun dari 79.6% pada tahun 2001 kepada 2.8% pada tahun 2018. Manakala, kajian *Malaysian Methadone Treatment Outcome Study* (myTOS) pada 2016 telah menunjukkan bahawa rawatan methadone juga telah berjaya mengurangkan kemasukan ke penjara dan pusat pemulihan. Peratusan kemasukan ke penjara telah menurun dari 57%

SOALAN NO : 41

(sebelum rawatan) kepada 9.1% (selepas rawatan) manakala peratusan kemasukan ke pusat pemulihan menurun dari 27.6% (sebelum rawatan) kepada 1.6% (selepas rawatan). Selain daripada itu, kadar residivism (kemasukan berulang) ke penjara di kalangan mereka yang terlibat dalam rawatan methadone juga menurun sebanyak 52.1%.

Impak positif pelaksanaan program ini merupakan suatu dorongan kepada Kerajaan untuk terus melaksanakan dasar berkaitan penyalahgunaan dadah yang berasaskan kelima-lima teras dalam Dasar Dadah Negara dengan pelbagai strategi yang turut merangkumi pengurangan kemudaratan.

Perkara ini juga diambil kira oleh Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia yang sedang dalam proses penyediaan kerangka reformasi sistem penjara. Kerangka tersebut antara lain, turut menekankan aspek pendekatan dan pelaksanaan latihan serta pemulihan yang diberikan kepada banduan sama ada di dalam mahupun di luar penjara. Ini termasuklah halatuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu membolehkan 2/3 banduan sabitan yang layak menjalani pemulihan di luar penjara menjelang 2030. Setakat ini, pelaksanaan program pemulihan di luar penjara melalui Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Reintegrasi Penghuni mempunyai kesan yang amat positif dengan kadar residivis kurang dari 0.5%.

Justeru itu, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia akan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian dan Agensi, serta Badan bukan Kerajaan bagi memastikan perancangan di bawah reformasi ini diperhalusi sebelum pelaksanaannya, agar pengurusan penjara, kebajikan banduan dan kakitangan penjara dapat dipertingkatkan pada masa hadapan.